



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

## REPRESENTASI WATAK WANITA MEROKOK DALAM FILEM MALAYSIA

Nor Farahain Binti Ismail

PN  
1995  
N822  
2016

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Sinematografi)  
2016

**REPRESENTASI WATAK WANITA MEROKOK DALAM FILEM  
MALAYSIA**

**NOR FARAHAIN BINTI ISMAIL**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Sinematografi)

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : REPRESENTASI WATAK WANITA MEROKOK DI DALAM FILEM MALAYSIA

SESI PENGAJIAN : 2015/2016

Saya **NOR FARAHAIN BINTI ISMAIL**

mengaku membenarkan tesis \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:


1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*\* sila tandakan ( ✓ )

- SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
- TIDAK TERHAD

  
(Nor Farahain Binti Ismail)

Tarikh: 20/6/2016

Alamat Tetap:  
No 33, Jalan Puyuh 1,  
Taman Aman,  
86000 Kluang Johor

  
(En. Mohd Affendi Bin Azizan)


Tarikh: 20/6/2016

Mohd Affendi Azizan  
Pensyarah  
Fakulti Seni Gunan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Catatan: \* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda  
\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi  
berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai TERHAD.

Projek bertajuk ‘**Representasi Watak Wanita Merokok Dalam Filem Malaysia**’ telah disediakan oleh **Nor Farahain Binti Ismail** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Sinematografi**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

  
( En. Mohd Affendi Bin Azizan )

Mohd Affendi Azizan  
Pensyarah  
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
20/6/2016 Tarikh:

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia nya saya berjaya menyiapkan tesis projek tahun akhir ini. Ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pensyarah program Sinematografi, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif di atas sokongan yang diberikan kepada saya dan rakan-rakan untuk menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Encik Mohd Affendi Bin Azizan selaku penyelia yang banyak memberikan dorongan dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang melaksanakan projek tahun akhir ini. Selain itu, beliau sentiasa memberikan kata-kata positif serta turut menyumbangkan ideanya bagi membantu saya melaksanakan projek ini. Tetapan masa dan tarikh setiap proses yang telah ditetapkan olehnya haruslah dipatuhi. Ketegasan beliau berkaitan masa sedikit sebanyak membantu saya untuk menyiapkan segala tugas berdasarkan masa yang ditetapkan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada keluarga walaupun mereka hanya memberikan sokongan dari jauh. Terima kasih atas sokongan dari segi mental dan fizikal, kewangan dan doa. Tanpa sokongan dari ibu serta adik-beradik saya mungkin saya tidak berjaya untuk melaksanakan projek ini.

Terima kasih saya ucapkan kepada rakan serumah saya dari semesta pertama sehingga kini kerana mereka sering memberikan sokongan moral kepada saya. Terima kasih buat rakan-rakan sekelas dan rakan produksi dari *Still Fly Motion Picture* yang banyak memberikan kerjasama, pendapat dan idea bagi menyiapkan tesis ini dan projek ini.

Akhirnya, terima kasih saya ucapkan kepada *senior* dan *junior* saya kerana kerana ada membantu dalam proses menyiapkan tesis ini.

NAME	CLASSIFICATION
Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Zainal Abidin	Chairman
Dato' Dr. Mohd. Sharifuddin bin Mohd. Sharifuddin	Deputy Chairman
Dato' Dr. Mohd. Sharifuddin bin Mohd. Sharifuddin	Deputy Chairman
Dato' Dr. Mohd. Sharifuddin bin Mohd. Sharifuddin	Deputy Chairman

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Penghargaan</b>	i-ii
<b>Isi Kandungan</b>	ii-iv
<b>Abstrak</b>	v
<i>Abstract</i>	vi

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Latar Belakang	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Kaedah Kajian	6
1.6 Skop/Limitasi Kajian	6
1.7 Sasaran Penonton	7
1.8 Kesimpulan	7

### **BAB 2 KAJIAN LITERASI**

2.0 Pengenalan	8
2.1 Simbolik atau fungsi prop rokok di dalam filem	9
2.2 Watak wanita merokok di dalam filem	11
2.3 Gaya dan penampilan wanita yang merokok di dalam filem	13
2.4 Kesimpulan	14

<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0	Pengenalan	15
3.1	Rangka Kerja	16
	3.1.1 Kandungan Analisis	17
	3.1.2 Analisis Filem	18
	3.1.3 Temu Ramah	19
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0	Pendahuluan	20
4.1	Reka Bentuk dan Pelaksanaan	21
4.2	Filem Analisis	21
	4.2.1 Filem Perempuan, Isteri &... (1993)	22
	4.2.2 Filem Spinning Gasing (2002)	24
	4.2.3 Filem Songlap (2011)	26
	4.2.4 Filem Bohsia 2 (2012)	28
4.3	Temu Ramah	30
4.4	Perbincangan	31
4.5	Pengaplikasian Kajian	33
	4.5.1 Sinopsis	33
	4.5.2 Pengaplikasian Dapatkan Kajian ke Dalam Projek	34
4.6	Kesimpulan	36
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.0	Pendahuluan	37
5.1	Ringkasan Dapatkan Kajian	38
5.2	Cadangan Kajian Masa Hadapan	39
<b>RUJUKAN</b>		<b>41</b>
<b>LAMPIRAN</b>		

## **ABSTRAK**

Kajian ini melihat kepada representasi watak wanita merokok di dalam filem. Aspek yang dikaji ialah kepentingan penggunaan rokok sebagai prop kepada watak wanita di dalam filem. Objektif kajian ini ialah untuk mengetahui fungsi dan simbol prop rokok yang digunakan di dalam filem. Selain itu, ingin mengetahui ciri-ciri watak perwatakan dan gaya serta penampilan yang ditonjolkan oleh wanita di dalam filem. Rokok dianggap sebagai simbol zakar di dalam filem. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji penggunaan simbol dan fungsi rokok bagi watak wanita di dalam filem di Malaysia.

## ***ABSTRACT***

*This research focuses on the female's representation that smokes cigarette in film. The aspect of the research looks upon the importance of using cigarette as a prop for female characters in films. The research objective is to identify the functions and symbol of the cigarette as a prop in films. The researcher also wants to identify the characteristics and the representation of females in films. The uses of props can help in the character development of a character. Cigarette symbolizes as phallic in films. The purpose of the research is to study on the symbolic and function of a cigarette in female characters in Malaysian films.*

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Latar Belakang**

Filem bergenre drama dan aksi banyak memaparkan watak seseorang itu merokok. Watak seseorang itu merokok bukan sahaja di sampaikan oleh watak lelaki, malahan turut disampaikan melalui watak wanita. Watak dan perwatakan merupakan salah satu aspek yang penting selain daripada jalan cerita, *mise-en scene*, set, penataan cahaya, shot dan komposisi teknik kamera dan penyuntingan filem.

Menurut (Quraishi, 2003) watak dan perwatakan memainkan peranan yang penting dalam menjayakan sesebuah filem. Hal ini demikian kerana, watak dan perwatakan akan melibatkan penilaian yang teliti terhadap wajah dan tingkah laku. Seorang pengarah yang baik akan memilih pelakon berdasarkan watak yang dikehendakinya dalam menghasilkan sesebuah filem. Pengarah tidak boleh membenarkan para pelakonnya membawa sesuatu watak dengan gaya tersendiri.

Menurut (Quraishi, 2003) watak protagonis merupakan watak yang menjadi tunjang utama dalam cerita. Watak protagonis turut dikenali sebagai watak hero dalam sebuah cerita. Watak protagonis kebiasaannya akan menghadapi perubahan daripada watak bersikap buruk kepada watak baik, atau daripada negatif menjadi positif. Manakala watak antagonis merupakan watak yang bertentangan dengan protagonis. Watak antagonis juga dinamakan sebagai watak hitam dan akan menentang watak protagonis dengan pelbagai cara. Menurut (Hanley, 2012) tanpa watak antagonis sesuatu cerita akan menjadi bosan dan hambar. Watak antagonis akan menimbulkan perselisihan antara watak dalam sesuatu cerita. perselisihan yang berlaku akan menyebabkan tercetusnya konflik dalam cerita. Bergantung pada cerita, seseorang antagonis hanya muncul dalam beberapa babak.

Menurut pengkritik barat iaitu Mulvey (1998), watak lelaki akan menjadi seseorang yang lebih berkuasa manakala watak wanita dianggap lemah dan pasif di dalam filem. Lelaki akan sentiasa lebih dominan di dalam filem berbanding wanita. Dalam setiap filem dapat kita lihat wanita sering dipersembahkan dengan elemen

stereotaip. Wanita digunakan untuk pergerakan plot dalam sesebuah cerita. Elemen stereotaip akan memperkuuhkan lagi tempat wanita dalam hierarki sosial.

Berdasarkan Nathan Abrams, Ian Bell dan Jan Udris (2001), “ *Cigarettes and glasses of whisky is a common props.* ” Prop merupakan objek yang tidak bernyawa yang diletakkan dalam *setting*. Props boleh kekal statik atau boleh digunakan oleh watak-watak dalam sesebuah filem. Prop digunakan untuk mengukuhkan dan membuat persekitaran dan tindakan yang berlaku secara visual lebih meyakinkan.

Berdasarkan pendapat Frued (2012), di dalam filem rokok tidak hanya dianggap sebagai rokok, tetapi makna dan penggunaan rokok tersebut telah berubah sejak berabad lagi. Menurut formalis Russia iaitu Victor Shlovsky,

“*What is important in art as opposed to daily functional activities is that art as opposed to attention to its forms. It does so by different devices ‘estranging’ familiar objects from costumer perceptions. Perceivers of art are forced to pay attention to the object’s formation and their act of perception as they try to figure out object.*”

( p.16 )

Menurut Lubis (1994), orang sekeliling akan memandang negatif terhadap orang yang merokok terutamanya perokok pasif. Risiko yang ditanggung perokok pasif lebih berbahaya daripada perokok aktif kerana daya tahan terhadap zat-zat berbahaya dan sangat rendah.

## **1.2 Permasalahan kajian**

Watak di dalam filem merupakan suatu representasi seseorang individu untuk mempamerkan suatu perlakuan bagi mewujudkan babak dramatik. Penonton boleh merasai tekanan emosi seperti berasa marah, sedih, benci dan gembira melalui penyampaian watak perwatakan.

Watak wanita merokok sering dipaparkan di dalam filem bergenre drama dan aksi. Representasi watak wanita merokok kebiasaannya adalah untuk menggambarkan watak tersebut bersifat antagonis.

*“watak jahat mak cik Som adalah terlalu dipermudahkan dengan bantuan rokok di bibir, sebatang rokok tidak semestinya melambangkan kejahatan. Di sini pengarah telah mengambil jalan mudah, seperti yang dilakukan oleh ramai pengarah lain.”*

(Quraishi,2003)

Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa dalam sesebuah karya, pengarah menggunakan prop untuk menyampaikan sifat watak sama ada protagonis ataupun antagonis. Justeru itu, pengkaji ingin mengkaji fungsi dan simbolik prop rokok dan representasi watak wanita merokok di dalam filem.

### **1.3 Objektif kajian**

Berdasarkan tajuk kajian, pengkaji telah memperoleh beberapa objektif kajian yang hendak dikaji. Objektif kajian ini dibentuk bagi menjelaskan hala tuju kajian yang hendak dicapai di akhir proses kajian ini. Antara objektif kajian tersebut ialah :

- i. Mengkaji simbolik atau fungsi rokok sebagai prop di dalam filem.
- ii. Mengenal pasti peranan watak wanita merokok di dalam filem.
- iii. Menganalisis gaya dan penampilan watak wanita yang merokok di dalam filem.

### **1.4 Persoalan kajian**

Setelah pengkaji membuat pemerhatian terhadap kajian ini, pengkaji memperoleh beberapa persoalan kajian yang perlu di jawab. Antara persoalan kajian tersebut ialah :

- i. Apakah simbolik atau fungsi penggunaan prop rokok di dalam filem?
- ii. Mengapa wanita merokok di dalam filem ?
- iii. Bagaimana gaya dan penampilan wanita merokok dipersembahkan di dalam filem?

## **1.5      Kaedah kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji mengumpul data yang diperoleh menggunakan kaedah analisis teks iaitu mengumpul data menggunakan sumber daripada buku, jurnal, artikel, dan laman web. Pengkaji turut menganalisis berdasarkan beberapa buah filem yang memaparkan watak wanita merokok. Pengkaji turut melakukan interview terhadap beberapa orang yang terlibat dalam bidang filem untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

## **1.6      Skop / Limitasi kajian**

Dalam skop kajian ini, pengkaji telah memilih beberapa buah filem yang hendak dikaji. Pengkaji hanya mengkaji filem Malaysia iaitu filem Perempuan, isteri & ... (1993) arahan U-Wei Haji Saari, filem Spinning Gasing (2000) arahan Teck Tan, filem Songlap (2011) arahan Effende dan Fariza Azlina, dan filem Bohsia 2 (2012) arahan Syamsul Yusof.

Limitasi kajian pengkaji agak terhad kerana tidak banyak filem Malaysia yang memaparkan watak wanita yang merokok. Kajian ini hanya berfokus kepada filem-filem yang mempersesembahkan watak wanita yang merokok sahaja.

## **1.7 Sasaran Penonton**

Kajian ini menerangkan tentang hubung kait penggunaan prop untuk menjayakan ciri-ciri perwatakan dalam sesebuah filem. Sasaran penonton ialah pelajar-pelajar bidang perfileman, penulis skrip dan pengarah-pengarah. Sasaran penonton terhadap pelajar bidang perfileman, adalah untuk menarik pelajar bidang filem untuk menyelidik penggunaan prop untuk menyampaikan ciri-ciri sesuatu watak di dalam sesebuah filem sama ada bersifat protagonis ataupun antagonis. Tarikan penonton bagi golongan penulis skrip dan pengarah pula adalah untuk menghasilkan karya yang lebih bermutu dan lari daripada elemen stereotaip kebiasaan sesuatu cara watak itu di bawakan di dalam sesebuah filem.

## **1.8 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, dalam kajian bab 1 ini pengkaji telah mendapat beberapa objektif yang perlu dicapai, serta beberapa persoalan kajian yang perlu dijawab. Selain itu, dalam kajian ini pengkaji fokus kepada representasi watak wanita yang merokok di dalam filem. Pengkaji ingin mengkaji tentang fungsi dan penggunaan simbol rokok terhadap watak wanita yang di sampaikan di dalam filem sama ada bersifat protagonis atau antagonis.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERASI**

#### **2.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, pengkaji akan merujuk beberapa buku, jurnal, artikel dan sumber kajian terdahulu untuk dijadikan sebagai sumber rujukan bagi kajian pengkaji. Dengan adanya sumber rujukan ini maklumat yang didapati lebih kukuh dan sahih, dan membantu pengkaji untuk lebih memahami tajuk yang dikaji. Penggunaan kajian literasi ini adalah untuk menyokong tajuk kajian pengkaji.

## **2.1 Simbolik atau fungsi prop rokok di dalam filem.**

Menurut Abrams, Bell & Udris (2001), ikonografi memberikan maksud dan sesuatu petunjuk visual. Penggunaan ikon sebagai penunjuk visual memudahkan kita untuk mengetahui genre sesuatu filem. Lokasi, prop dan pemakaian merupakan elemen genre yang melambangkan ikonografi di dalam filem.

Di dalam sesebuah filem, terdapat penggunaan objek rokok sebagai prop oleh pelakon. Kelaziman penggunaan prop di sampaikan untuk menyampaikan makna-makna tertentu. Penggunaan prop rokok banyak digunakan dalam filem Hollywood. Menurut Christensen (2012), Menurut kenyataan beliau, rokok merupakan simbol kemaluan lelaki dan kekuasaan lelaki berkaitan seks.

Wanita akan menggunakan prop rokok untuk menunjukkan bahawa dia turut berkuasa dengan penggunaan simbol “*penis*” itu. Manakala menurut (Harmetz A, 1992) , *smoking is over determined : cigarettes, like other symbol ,sync mean more than one thing at the same time.*

Rokok bukan sahaja digunakan untuk menyampaikan simbol seks tetapi digunakan untuk menyampaikan perasaan dan emosi seseorang pelakon. Selain itu, menurut McCool, Cameron dan Petrie (2003), di dalam artikel *Interpretations of smoking in film by older teenagers,*

*“The cigarette actually ‘ creates the character’ by enabling the personality of the character to emerge and by offering clues to the character’s lifestyle, social status and cultural context.”*

( p. 1027)

Penggunaan rokok di dalam filem turut digunakan untuk memaparkan personaliti seseorang itu. Rokok turut memberi petunjuk kepada gaya hidup ,status sosial dan konteks budaya yang dibawakan oleh watak seseorang di dalam filem. Gaya hidup seseorang itu diukur dari segi persekitaran yang di hadapi oleh seseorang, adat, tabiat dan cara gaya hidup yang diamalkan mereka. Menurut Norman M Norawi (2009), rokok digunakan sebagai satu ritual atau adat untuk berubat, pemujaan dan sebagainya.

Menurut kenyataan Nor Anita Megat dan Mohd Nordin Che Mazlan Saad (1997), rokok digunakan sebagai satu cara untuk melepaskan perasaan ketika menghadapi ketegangan, keletihan dan kebosanan hidup. Dengan merokok mereka dapat melepaskan tekanan yang di hadapi. Rokok memberikan ketagihan kepada perokok tegar.

## **2.2 Watak wanita merokok di dalam filem**

Filem kini banyak mempersebahkan watak merokok di dalam filem. Watak merokok bukan sahaja bagi watak lelaki namun terdapat juga watak wanita yang merokok di dalam filem. Menurut McCool, Cameron & Petrie (2003),

*“Female representations in mainstream film were perceived to rarely deviate from the stereotyped ideal of sexual attractiveness, slimness and emotional vulnerability.*

( p. 1027 )

Berdasarkan kenyataan tersebut, watak wanita tidak lari dari elemen stereotaip sekiranya di persembahkan di dalam filem. Stereotaip wanita sering menjadi tarikan dari sudut simbol seksual dan memiliki bentuk badan yang kurus. Watak wanita turut berkesan untuk menyampaikan emosi kepada penonton kerana wanita dianggap lemah dan sering di tindas. Imej stereotaip wanita rata-rata telah di terima dan dipercayai oleh masyarakat.

Menurut Pugsley (2013), lakonan watak Yati dalam filem Spinning Gasing merokok di dalam skrin menunjukkan nilai estetik yang mencerminkan perubahan sosial, budaya dan ekonomi yang lebih berkembang di Asia. Menurutnya lagi, wanita menggunakan imej tembakau untuk mengawal emosi serta mengawal diri daripada rayuan terhadap unsur seksual. Selain itu, wanita menggunakan tembakau untuk

mempersembahkan imej diri dan mengawal berat badan serta memberikan mereka keselesaan.

Merujuk kenyataan dari Norlaila Hamima (2010), berkaitan wanita merokok kerana mereka mahu menarik perhatian dengan melakukan sesuatu di luar kebiasaan dan tindak balas negatif seperti itu kebiasaannya berjaya membuat kehadiran mereka di sedari. Berdasarkan kenyataan tersebut, watak wanita dipersembahkan bersama prop rokok kerana rokok dianggap sebagai elemen negatif oleh masyarakat. Penggunaan prop rokok kepada wanita dapat menarik perhatian penonton yang melihatnya.

### **2.3 Gaya dan penampilan wanita yang merokok di dalam filem.**

Rokok digunakan oleh kebanyakan pembikin filem sebagai salah satu strategi yang berkesan untuk meningkatkan dan membina sesuatu personaliti watak. Menurut Crane (1997), ciri-ciri seseorang pelakon yang hebat bergantung pada keupayaan untuk menggunakan prop dalam apa-apa cara. Bukan hanya bergantung pada naratif tetapi cara pengendalian prop tersebut turut mendedahkan personaliti watak.

Menurut Rondina, Gorayeb dan Botelho (2007) “*there are three predominant dimensions of character or personality supposedly related to smoking :extroversion, neuroticism and psychoticism.*” Berdasarkan kenyataan tersebut, terdapat tiga dimensi untuk mengetahui personaliti seseorang yang perokok melalui ekstrovert

iaitu terdiri daripada faktor dan tingkah laku seseorang yang suka bergaul emosi yang positif, lebih berkeyakinan dan lebih agresif. Ekstrovert dan introvert berbeza dan bergantung pada ransangan yang di terimanya. *Neuroticism dimension* pula terdiri daripada sub-dimensi personaliti seperti keresahan kemurungan kelemahan psikologi dan kemarahan. Individu yang bersifat *neuroticism* ini akan mengalami kebimbangan dan keresahan yang tak menentu. Manakala *psychoticism dimension* merupakan aspek watak seperti suka mengikut kehendak hati, antisosial, seorang yang sinis dan sifat berhati-hati terhadap sesuatu perkara. Penggunaan kaedah tiga dimensi untuk mengenali watak dan personaliti ini dapat membantu untuk mengklasifikasikan setiap personaliti seseorang perokok.

Banyak tempat telah mengharamkan aktiviti merokok ini. Hal ini memberikan isyarat terhadap bahasa badan dan pergelangan tangan.

*“A person who is feeling positive superior or confident about what sees or hears will blow the smoke in an upward direction most of time. A person in a negative, secretive or suspicious frame of mind will blow the smoke down most. Blowing down and from the corner of the mouth indicates an even more negative or secretive attitude.”*

Monica (n.d.)

Personaliti watak perwatakan seorang perokok dapat di lihat melalui gaya dan penampilan bentuk badan, cara memegang rokok serta cara perokok menghembuskan asap rokok

## **2.5 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, penggunaan prop boleh dijadikan sebagai simbol dan fungsi yang digunakan oleh watak perwatakan untuk dijadikan penggerak naratif sesebuah cerita. Penggunaan prop juga dapat menyampaikan elemen watak perwatakan, gaya dan personaliti watak tersebut.

Di samping itu, seorang penulis skrip atau pembikin filem perlu mengkaji dan mengetahui setiap fungsi dan simbolik di sebalik penggunaan prop terhadap pelakon. Hal ini demikian kerana, penggunaan prop boleh menyampaikan makna yang tertentu.